

Penentuan arah kiblat guna teknologi terkini



Kemudahan teknologi terkini ini dapat mengelak daripada berlaku kesilapan ketepatan arah kiblat pada masjid dan surau lama.

■ MOHD FADZIL AZIZ

AMPANG - Seluruh jawatankuasa surau dan masjid di Selangor boleh mendapat sijil perakuan bagi menentukan arah kiblat secara tepat menggunakan teknologi terkini, dengan mengemukakan permohonan secara rasmi kepada bahagian Falak Syarie Jabatan Mufti Selangor.

Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Selangor, Rizal Ramli, berkata, langkah itu bagi

mengelak berlaku kesilapan ketepatan arah kiblat pada masjid dan surau lama yang sebelum ini pernah dilaporkan kepada pihak mereka.

"Bagi kes jawatankuasa masjid atau surau yang merasakan kiblat mereka tidak tepat, Jabatan Mufti negeri bersedia mengukur semula arah kiblat yang tepat menggunakan teknologi terkini seterusnya mengeluarkan sijil perakuan.

"Selepas proses mengukur semula arah kiblat yang tepat, kami akan meminta pihak masjid atau surau membetulkan kembali arah kiblat yang digunakan sama ada membetulkan kedudukan hamparan karpet atau cara lain yang difikirkan

sesuai," katanya semalam.

Rizal menjelaskan, antara faktor yang menyebabkan perbezaan ketepatan arah kiblat pada masjid atau surau lama adalah kaedah dan teknologi yang digunakan ketika itu.

"Dahulu, apabila masjid atau surau dibina di Selangor, pihak yang menentukan arah kiblat adalah juru ukur yang dilantik kontraktor dan mereka akan mendapatkan pengesahan daripada kadi daerah.

"Mulai 2001, penentuan arah kiblat ditentukan Bahagian Falak Syarie Jabatan Mufti Selangor dan kami menggunakan peralatan teknologi terkini dan mengikuti kursus bagi mendapatkan lebih kemahiran dalam bidang ini," katanya.

Menurutnya, beberapa kaedah digunakan orang ramai di negara ini dalam menentukan kedudukan kiblat, termasuk menggunakan kompas atau merujuk kepada arah matahari terbenam.

"Apabila menggunakan kompas, ia perlu digunakan di kawasan la-



Rizal (kiri sekali) memberi penerangan kepada orang ramai mengenai kaedah terkini dalam menentukan arah kiblat.

pang dan jauh daripada besi atau arus elektrik yang boleh mengganggu tarikan magnetik pada jarum kompas seterusnya arah ditunjukkan adalah tidak tepat.

"Untuk berpandu kepada matahari pula, ia memerlukan kemahiran kerana kedudukan matahari yang benar-benar tepat di atas Kaabah hanya berlaku sebanyak dua

kali setiap setahun iaitu pada 28 Mei, jam 5.16 petang dan 16 Julai jam 5.28 petang," katanya.

Beliau berkata, selain dua tarikh berkenaan, kedudukan matahari dan bayang-bayang boleh dijadikan panduan menentukan arah kiblat berdasarkan tarikh dan masa tertentu, tetapi memerlukan ilmu dan kemahiran bagi mengukur

jaraknya.

"Bagi mereka yang ingin menentukan arah kiblat di rumah, mereka boleh berpandukan arah kiblat masjid berdekatan atau menggunakan kompas. Namun perlu diingat, penggunaan kompas hendaklah di luar rumah, bukan di dalam rumah kerana di dalam rumah terdapat banyak besi dan arus elektrik," katanya.



“Dahulu, apabila masjid atau surau dibina di Selangor, pihak yang menentukan arah kiblat adalah juru ukur yang dilantik kontraktor dan mereka akan mendapatkan pengesahan daripada kadi daerah.”

■ Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Selangor, Rizal Ramli